

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH SEBAGAI ALTERNATIF PEPERIKSAAN TAHAP 1 : ISU DAN CABARAN

[CLASSROOM ASSESSMENT AS AN ALTERNATIVE TO LEVEL 1 EXAMINATIONS: ISSUES AND CHALLENGES]

MUHAMAD HASNUL HAKIM ROSLAN^{1*} & KHAIRUL AZHAR JAMALUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: p144918@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 June 2025

Accepted: 26 August 2025

Published: 07 October 2025

Abstrak: Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan sebagai alternatif kepada peperiksaan Tahap 1 dalam sistem pendidikan Malaysia bagi menilai perkembangan murid secara menyeluruh dan holistik. Berbeza daripada penilaian sumatif yang berdasarkan peperiksaan bertulis, PBD menekankan pendekatan formatif yang lebih autentik, fleksibel dan berterusan. Artikel berbentuk kertas konseptual ini bertujuan menganalisis konsep dan kepentingan PBD, meneliti isu serta cabaran pelaksanaannya daripada perspektif guru, murid dan ibu bapa, serta mencadangkan strategi penyelesaian yang bersesuaian. Hasil analisis literatur menunjukkan bahawa walaupun PBD berupaya meningkatkan kualiti pembelajaran secara progresif, cabaran seperti beban tugas guru, kesukaran murid menyesuaikan diri dengan bentuk pentaksiran terbuka, serta kekeliruan ibu bapa terhadap tahap penguasaan masih menjadi halangan utama. Artikel ini turut mengemukakan Model 3P (Pemahaman–Penglibatan–Pengukuhan) sebagai sumbangan konseptual untuk memperkuuh pelaksanaan PBD melalui kefahaman mendalam, kolaborasi pelbagai pihak, serta pengukuhan latihan profesional dan dasar pendidikan yang jelas. Oleh itu, pelaksanaan PBD yang lebih efektif memerlukan sokongan menyeluruh melibatkan guru, murid, ibu bapa dan pihak berkepentingan lain.

Kata Kunci Pentaksiran Bilik Darjah, Peperiksaan Tahap 1, Pendidikan Rendah, Isu dan Cabaran, Model 3P.

Abstract: Classroom Assessment (PBD) has been introduced as an alternative to Level 1 examinations in the Malaysian education system to provide a more holistic and comprehensive evaluation of student development. Unlike summative assessments based on written examinations, PBD emphasizes a formative approach that is authentic, flexible, and continuous. This conceptual paper aims to analyze the concept and significance of PBD, examine the issues and challenges in its implementation from the perspectives of teachers, students, and parents, and propose appropriate solution strategies. A review of existing literature reveals that while PBD has the potential to enhance progressive student learning, major challenges remain, including teachers' workload, students' difficulty in adapting to open assessment methods, and parents' limited understanding of mastery levels. This article also proposes the 3P Model (Understanding–Engagement–Reinforcement) as a conceptual contribution to strengthen the implementation of PBD through deep comprehension, collaborative involvement of all stakeholders, and continuous professional development supported by clear educational policies. Thus, effective implementation of PBD requires comprehensive support that actively involves teachers, students, parents, and policymakers.

Keywords: Classroom Assessment, Level 1 Examination, Primary Education, Issues and Challenges, 3P Model.

Cite This Article:

Muhamad Hasnul Hakim Roslan & Khairul Azhar Jamaludin. (2025). Pentaksiran Bilik Darjah Sebagai Alternatif Peperiksaan Tahap 1 : Isu Dan Cabaran [Classroom Assessment As An Alternative To Level 1 Examinations: Issues And Challenges]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2), 147-163.

PENGENALAN

Dalam arus transformasi sistem pendidikan global yang menuntut pendekatan lebih holistik dan berfokuskan pembinaan insan, sistem pendidikan Malaysia turut mengalami evolusi penting dalam aspek pentaksiran. Salah satu perubahan utama adalah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperkenalkan secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2011. PBS bertujuan menilai potensi dan penguasaan murid secara menyeluruh serta bukan sekadar berpaksikan peperiksaan semata-mata. Ia memberi tumpuan kepada elemen kognitif, afektif, psikomotor dan sosial yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Seiring dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, pendekatan ini menandakan peralihan daripada penilaian berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran yang lebih autentik dan berpusatkan murid.

Sehubungan itu, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan secara menyeluruh pada tahun 2016 sebagai tunjang kepada pelaksanaan PBS di peringkat sekolah rendah dan menengah. PBD berperanan sebagai satu mekanisme pentaksiran formatif yang dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pentaksiran ini menekankan prinsip "pentaksiran untuk pembelajaran", "pentaksiran sebagai pembelajaran", dan "pentaksiran tentang pembelajaran", yang membolehkan guru menilai perkembangan dan penguasaan murid berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2019). Walaupun pelaksanaan PBD dilihat mampu menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran, pelbagai cabaran masih wujud terutamanya dalam kalangan guru yang berdepan dengan kekangan masa, beban dokumentasi serta kekeliruan terhadap instrumen pentaksiran yang sesuai. Dalam satu kajian oleh Abdul Said Ambotang dan Shanti Gobalakrishnan (2017), didapati bahawa pemahaman guru tentang prinsip PBD serta tahap integriti semasa melaksanakan pentaksiran sangat mempengaruhi keberkesanannya. Tambahan pula, kajian Gengatharan dan Azali Rahmat (2019) menunjukkan bahawa terdapat keperluan besar terhadap latihan profesional dan sokongan sistematik untuk memastikan pelaksanaan PBD benar-benar memberi manfaat kepada murid.

Bagi murid di Tahap 1 sekolah rendah, pendekatan ini menawarkan ruang untuk meneroka pembelajaran secara aktif dan menyeronokkan. Namun demikian, transisi daripada sistem peperiksaan kepada pentaksiran bilik darjah memerlukan anjakan budaya dalam kalangan ibu bapa yang masih cenderung menilai pencapaian anak-anak mereka berdasarkan gred dan markah. Kekeliruan dan kebimbangan ibu bapa terhadap ketelusan dan keabsahan

pentaksiran guru telah dikenal pasti sebagai faktor yang menjelaskan penerimaan terhadap PBD (Ali & Veloo 2017).

Dalam konteks ini, kajian ini penting untuk membincangkan secara kritis konsep dan pelaksanaan PBD sebagai alternatif kepada peperiksaan Tahap 1 terutamanya dari sudut kefahaman guru, kesediaan murid serta sokongan ibu bapa. Isu dan cabaran yang dibincangkan akan diikuti dengan cadangan strategi penyelesaian bagi memperkuat pelaksanaan PBD secara menyeluruh. Ini selaras dengan garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh KPM menerusi Panduan Pengurusan PBS Edisi 1 Tahun 2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025).

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis konsep dan kepentingan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sebagai alternatif kepada peperiksaan Tahap 1. Dalam masa yang sama juga untuk meneliti isu serta cabaran pelaksanaannya dalam kalangan guru, murid dan ibu bapa, serta mencadangkan strategi penyelesaian bagi meningkatkan pemahaman, penerimaan dan keberkesanannya pelaksanaan PBD dalam konteks pendidikan rendah di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kertas konseptual berbentuk tinjauan naratif. Data dan hujah dikumpulkan melalui analisis kritikal terhadap dokumen dasar, garis panduan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia serta kajian-kajian lepas yang diterbitkan dalam jurnal berwaspit. Pendekatan tinjauan naratif dipilih kerana membolehkan penulis menghimpunkan bukti sedia ada, meneliti persamaan dan perbezaan dapatkan serta merumuskan strategi konseptual untuk penambahbaikan pelaksanaan PBD di sekolah rendah.

TINJAUAN LITERATUR

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah dikenalpasti sebagai pendekatan pentaksiran yang lebih inklusif dan berpusatkan murid berbanding sistem peperiksaan konvensional yang menumpukan kepada keputusan peperiksaan akhir semata-mata. Dalam konteks pendidikan Tahap 1, pendekatan PBD lebih sesuai. Hal ini demikian kerana PBD menilai pembelajaran murid secara berterusan dan menyeluruh merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019), PBD merupakan satu bentuk pentaksiran formatif yang dijalankan secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mengumpul maklumat berkaitan kemajuan dan penguasaan murid. Kaedah ini membantu guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dan seterusnya merancang intervensi yang bersesuaian. Tambahan pula, pelaksanaan PBD membolehkan guru menjalankan pentaksiran yang lebih autentik melalui pelbagai teknik seperti kuiz, pemerhatian, projek dan pembentangan. Dalam kajian oleh Anniliza Mohd Isa et al. (2020), pendekatan berorientasikan peperiksaan telah dikenal pasti tidak lagi sesuai dalam konteks pendidikan

semasa kerana gagal mengambil kira kepelbagaiannya kebolehan, keperluan dan gaya pembelajaran murid. PBD pula memberikan ruang kepada guru untuk mengadaptasi pendekatan pengajaran berdasarkan maklum balas pentaksiran secara langsung. Hal ini dapat meningkatkan keberkesanan PdP serta membantu murid membina keyakinan diri dan kecekapan dalam pelbagai kemahiran.

Namun begitu, beberapa isu telah dikenal pasti menjelaskan pelaksanaan berkesan PBD. Kajian oleh Abdul Said Ambotang dan Shanti Gobalakrishnan (2017) mendedahkan bahawa tahap kefahaman guru terhadap konsep, kaedah dan pelaksanaan PBD masih belum mantap. Guru juga menghadapi kesukaran dari segi penyediaan instrumen pentaksiran,kekangan masa serta beban dokumentasi yang tinggi. Masalah ini sering dikaitkan dengan kekurangan latihan profesional secara berterusan dan sokongan sistematik daripada pihak pentadbir. Selain itu, Gengatharan dan Azali Rahmat (2019) menekankan pentingnya penyediaan modul dan latihan yang bersesuaian untuk memastikan guru benar-benar bersedia menjalankan pentaksiran secara telus dan adil. Mereka juga mencadangkan agar pentaksiran tidak hanya dijadikan sebagai prosedur pentadbiran, tetapi sebagai sebahagian daripada strategi pengajaran yang bermakna dan reflektif.

Dari perspektif ibu bapa, Ali dan Veloo (2017) mendapat terdapat keraguan terhadap kebolehpercayaan dan ketelusan PBD. Kebanyakan ibu bapa masih menganggap peperiksaan bertulis sebagai ukuran utama pencapaian akademik anak mereka. Tambahan pula, isu bias atau berat sebelah dalam pemberian tahap penguasaan oleh guru turut menimbulkan kekhawatiran dalam kalangan ibu bapa. Keadaan ini memberi implikasi kepada keperluan komunikasi dan pendidikan berterusan kepada komuniti ibu bapa tentang prinsip, manfaat dan prosedur pelaksanaan PBD. Kajian oleh Sh. Siti Hauzimah Wan Omar (2019) pula menegaskan bahawa kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan guru merupakan halangan utama dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah secara berkesan. Beliau menyarankan agar latihan intensif dan pemantapan pengetahuan pedagogi guru diberikan penekanan. Ini khususnya dalam aspek pembinaan item, penskoran serta pelaporan berdasarkan standard.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa walaupun PBD menawarkan pendekatan pentaksiran yang lebih progresif dan holistik, pelaksanaannya masih memerlukan usaha penambahan berterusan. Ini terutamanya dari sudut kefahaman guru, sokongan ibu bapa dan dasar pendidikan yang jelas serta konsisten.

Secara keseluruhan, kajian lepas menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid. Namun, keberhasilan tersebut sangat bergantung kepada kefahaman guru, sokongan sistematik daripada pentadbir, serta penerimaan ibu bapa. Jadual 1 merangkumkan kajian-kajian utama berkaitan pelaksanaan PBD dan implikasinya terhadap amalan pendidikan rendah di Malaysia.

Jadual 1: Ringkasan Kajian Lepas Berkaitan PBD

Penyelidik	Fokus Kajian	Dapatan Utama	Implikasi kepada PBD
Abdul Said Ambotang & Shanti (2017)	Integriti & kesediaan guru	Guru keliru konsep PBD, integriti pelaksanaan berbeza	Perlu latihan & sokongan berterusan
Gengatharan & Azali (2019)	Latihan modul guru	Kekurangan modul & latihan praktikal	Modul standard + CPD berterusan
Ali & Veloo (2017)	Persepsi ibu bapa	Ibu bapa ragu ketelusan PBD	Perlu komunikasi & pelaporan mesra ibu bapa
Anniliza Mohd Isa et al. (2020)	Transformasi pendidikan	Autonomi guru meningkat, tekanan dokumentasi	Kurangkan beban birokrasi
Hasbullah et al. (2022)	Murid berkeperluan khas	Kaedah alternatif lebih sesuai	PBD perlu fleksibel & inklusif

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Konsep dan Kepentingan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Sebagai Alternatif kepada Peperiksaan Tahap 1

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan satu pendekatan pentaksiran formatif yang diperkenalkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan rendah di Malaysia. Berbeza dengan pentaksiran sumatif yang hanya dijalankan pada akhir sesuatu tempoh pembelajaran, PBD berlaku secara berterusan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Guru bertanggungjawab menjalankan pelbagai kaedah penilaian secara langsung di dalam bilik darjah termasuk pemerhatian, temu bual, aktiviti bertulis, pembentangan, perbincangan kumpulan, projek dan juga penilaian rakan sebaya. Segala dapatan daripada pentaksiran ini direkod dan digunakan untuk mengenal pasti perkembangan murid dalam tiga domain utama, iaitu kognitif (ilmu pengetahuan dan kemahiran intelek), afektif (sikap, nilai dan emosi) serta psikomotor (kemahiran fizikal dan amali). Pendekatan formatif ini menuntut guru untuk sentiasa peka terhadap perubahan atau kemajuan murid, lebih-lebih lagi bagi murid tahap 1 secara individu dan seterusnya mengambil tindakan segera jika terdapat kelemahan atau masalah dalam pembelajaran. Tidak seperti peperiksaan tradisional yang bersifat episodik dan hanya mengukur pencapaian akademik pada satu titik masa tertentu, PBD memberi peluang kepada guru dan murid untuk menilai proses pembelajaran secara menyeluruh, mendalam dan berorientasikan perkembangan potensi sebenar murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025).

Salah satu kepentingan utama PBD ialah keupayaannya untuk menyediakan maklum balas secara serta-merta dan berterusan kepada murid sepanjang tempoh PdP. Guru bukan

sahaja menilai hasil kerja murid, malah memantau proses pembelajaran, tingkah laku dan perkembangan emosi mereka dalam suasana bilik darjah. Maklum balas yang diperoleh ini sangat bernilai kerana membolehkan guru merancang dan melaksanakan intervensi atau bimbingan yang bersesuaian mengikut keperluan sebenar murid, sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan, pengayaan atau pengukuhan. Sebagai contoh, jika guru mendapati sebahagian murid menghadapi kesukaran membaca atau menulis, intervensi boleh dilaksanakan segera melalui aktiviti tambahan, pengajaran berfokus atau penyediaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian. Kaedah ini jauh lebih efektif berbanding menunggu keputusan peperiksaan akhir yang hanya memberi gambaran umum prestasi murid. Tambahan pula, maklum balas berterusan ini dapat meningkatkan motivasi murid, mengurangkan tekanan serta membina keyakinan diri mereka untuk terus mencuba dan memperbaiki kelemahan yang ada. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong prinsip "assessment for learning", bahkan juga "assessment as learning" di mana murid turut didedahkan untuk melakukan refleksi kendiri dan menilai kemajuan mereka sendiri (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Pelaksanaan PBD juga menyumbang kepada penyuburan budaya pembelajaran aktif dan inklusif di bilik darjah. Guru didorong untuk melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dan penilaian yang bersifat kolaboratif serta berpusatkan murid, antaranya pembelajaran berdasarkan projek, inkirui, eksperimen, perbincangan kumpulan, penilaian rakan sebaya dan pembentangan lisan. Melalui aktiviti seperti ini, murid-murid tahap 1 digalakkan untuk terlibat secara aktif, berkomunikasi, berfikir secara kritis dan kreatif serta bekerjasama dengan rakan sebaya untuk menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk pembelajaran. PBD juga memberi ruang kepada murid untuk mempamerkan bakat, minat dan kekuatan masing-masing melalui pelbagai bentuk eviden pembelajaran seperti portfolio, rakaman audio/video dan hasil kerja tangan. Ini secara tidak langsung membolehkan guru mengesan dan membimbang potensi murid secara individu serta memastikan tiada murid yang tercicir daripada perhatian atau bimbingan. Pelaksanaan PBD berdasarkan pembelajaran aktif ini sangat selari dengan tuntutan pendidikan abad ke-21 yang menekankan penguasaan pelbagai kemahiran insaniah dan nilai tambah untuk menghadapi cabaran globalisasi (Noraini Idris, 2016).

Pelaksanaan PBD juga membawa impak besar terhadap kesejahteraan emosi dan motivasi murid tahap 1, iaitu murid Tahun 1 hingga Tahun 3 dalam proses pembelajaran. Pada usia ini, murid masih dalam proses penyesuaian kepada suasana persekolahan yang formal dan sistematik. Jika terlalu awal didedahkan kepada tekanan peperiksaan bertulis yang menuntut pencapaian gred atau markah tertentu, murid mungkin berasa tertekan, kurang berminat atau mengalami masalah keyakinan diri. Melalui pelaksanaan PBD, murid diberi peluang untuk menunjukkan perkembangan diri dalam pelbagai aspek tanpa tekanan skor atau banding-membanding antara rakan. Guru pula dapat memberi pujian, galakan dan maklum balas membina secara berterusan yang dapat menyemai minat, motivasi serta keyakinan murid untuk terus belajar. Suasana pembelajaran yang kondusif dan selamat ini sangat penting dalam membina sikap positif terhadap pembelajaran sepanjang hayat serta membentuk asas kukuh untuk perkembangan akademik dan sosial murid pada peringkat seterusnya (Anniliza Mohd Isa et al., 2020).

Selain menyokong perkembangan akademik, PBD juga mendokong prinsip keadilan dan pembangunan murid secara holistik. Melalui pentaksiran formatif ini, setiap murid dinilai

berdasarkan kemajuan dan potensi individu mereka serta bukan semata-mata melalui perbandingan pencapaian dengan rakan sebaya dalam satu peperiksaan standard. Ini memberi peluang adil kepada murid yang mempunyai pelbagai kebolehan, latar belakang dan keperluan pendidikan untuk menunjukkan kecemerlangan mereka dalam pelbagai bentuk, sama ada akademik, sahsiah, kemahiran sosial, atau aktiviti ko-kurikulum. Justeru, PBD dapat membantu mengurangkan jurang pencapaian antara murid serta mengelakkan amalan stereotaip atau diskriminasi dalam proses penilaian. Pelaksanaan PBD selari dengan aspirasi pendidikan nasional yang mahu melahirkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Pendekatan ini juga memastikan tiada murid yang tercicir daripada mendapat perhatian guru dan bimbingan sewajarnya untuk mencapai potensi maksimum mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025).

PBD sebagai alternatif kepada peperiksaan Tahap 1 merupakan satu transformasi penting dalam sistem pendidikan negara. Pendekatan ini menepati keperluan pendidikan semasa yang menekankan perkembangan holistik, pembelajaran berpusatkan murid, penglibatan aktif dan maklum balas berterusan dalam pembelajaran. PBD bukan sahaja membantu guru meningkatkan keberkesanan PdP, tetapi juga memastikan murid berkembang secara seimbang dari segi kognitif, emosi, sosial dan jasmani. Dalam jangka panjang, pelaksanaan PBD yang sistematik dan konsisten mampu membentuk budaya pembelajaran yang progresif, kondusif dan inklusif untuk semua murid, sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2025; Bahagian Pembangunan Kurikulum 2019).

ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PBD SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA PEPERIKSAAN TAHAP 1

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan sebagai alternatif kepada peperiksaan Tahap 1 dengan tujuan untuk menilai perkembangan murid secara lebih holistik. Namun, pelaksanaan PBD dalam pendidikan rendah tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang melibatkan guru, murid dan ibu bapa.

Guru

Guru merupakan pelaksana utama dalam sistem Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang berfungsi sebagai pemudah cara pembelajaran serta pentaksir perkembangan murid secara menyeluruh. Namun begitu, pelbagai cabaran telah dikenal pasti dalam kalangan guru yang menjelaskan keutuhan dan keberkesanan pelaksanaan PBD di sekolah rendah. Cabaran ini bukan hanya terbatas kepada pemahaman konsep pentaksiran, malah meliputi aspek teknikal, etika profesional dan sokongan sistemik.

Cabaran pertama yang signifikan ialah kefahaman guru yang masih belum mendalam terhadap falsafah pentaksiran autentik dan formatif. Ramai guru masih keliru membezakan antara pentaksiran sumatif dan formatif serta tidak memahami sepenuhnya bahawa PBD bersifat formatif, berterusan dan bertujuan untuk menyokong proses pembelajaran, bukan semata-mata menilai pencapaian akhir. Kajian oleh Abdul Said Ambotang dan Shanti

Gobalakrishnan (2017) menunjukkan bahawa walaupun majoriti guru mengetahui bahawa PBD perlu dilaksanakan, namun hanya sebilangan kecil yang benar-benar menguasai prinsip dan rasional di sebalik pelaksanaan tersebut. Kekeliruan ini menyebabkan PBD dilaksanakan secara mekanikal dan bukan berdasarkan analisis reflektif terhadap pembelajaran murid.

Masalah ini menjadi lebih ketara apabila dikaitkan dengan beban tugas guru yang tinggi dan pelbagai. Guru bukan sahaja bertanggungjawab mengajar dan menyediakan bahan bantu mengajar, malah mereka juga perlu merekod pencapaian murid, mengumpul eviden pentaksiran serta menyediakan laporan secara berkala. Dalam kajian oleh Gengatharan dan Azali Rahmat (2019), guru menyatakan bahawa mereka terpaksa meluangkan masa tambahan selepas waktu mengajar semata-mata untuk mengisi sistem pelaporan PBD dan menyediakan dokumentasi sokongan. Keadaan ini memberi tekanan emosi dan menjelaskan tumpuan terhadap pengajaran sebenar, apatah lagi dalam kelas yang mempunyai jumlah murid yang besar dan pelbagai tahap keupayaan.

Tambahan pula, ketiadaan latihan profesional berterusan yang sistematik dan praktikal turut menjadi penghalang kepada pelaksanaan PBD yang konsisten dan sahih. Ramai guru mendakwa bahawa latihan berkaitan PBD hanya dijalankan secara permukaan dan tidak menyediakan ruang mencukupi untuk pemahaman mendalam atau simulasi sebenar bilik darjah (Md Nor & Abdul Hamid, 2021). Hal ini menyebabkan berlakunya ketidaksamaan dalam pelaksanaan antara sekolah atau antara guru dalam satu sekolah. Lebih membimbangkan, kajian oleh Sh. Siti Hauzimah Wan Omar (2019) menunjukkan bahawa terdapat guru yang masih tidak mahir dalam membina instrumen pentaksiran alternatif seperti rubrik, senarai semak, portfolio atau borang refleksi murid. Ini menjelaskan keabsahan pentaksiran yang dijalankan kerana tidak berdasarkan instrumen yang mantap atau sahih.

Satu lagi isu yang tidak kurang penting ialah integriti dalam pelaporan pentaksiran. Walaupun PBD digariskan sebagai pentaksiran untuk membantu pembelajaran, tekanan daripada pihak pentadbir atau ibu bapa kadangkala menyebabkan guru membuat pelaporan secara tidak objektif. Dalam kajian oleh Ali dan Veloo (2017), dilaporkan bahawa terdapat guru yang memberikan tahap penguasaan yang lebih tinggi daripada pencapaian sebenar murid kerana mahu mengelakkan kritikan atau permintaan tidak wajar daripada ibu bapa. Keadaan ini bukan sahaja mencemarkan ketelusan sistem pentaksiran, malah boleh membentuk budaya kerja yang tidak profesional dalam kalangan guru. Situasi ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD bukanlah semata-mata soal instrumen atau pelaporan, tetapi memerlukan pemantapan pengetahuan pedagogi, sokongan bimbingan profesional dan pembinaan budaya integriti dalam kalangan guru.

Murid

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan murid khususnya murid Tahap 1 sekolah rendah, memerlukan suatu penyesuaian pedagogi yang signifikan. Murid dalam tahap ini berada dalam peralihan dari alam praformal seperti tadika ke suasana pembelajaran sistematik yang menuntut kemahiran kognitif, emosi dan sosial yang lebih tinggi. Dalam konteks ini, keperluan untuk memahami peranan PBD sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran bukanlah sesuatu yang mudah difahami oleh murid yang baru memulakan

pendidikan rasmi. Menurut Anniliza Mohd Isa et al. (2020), murid-murid yang telah lama terbiasa dengan sistem peperiksaan bertulis mengalami kesukaran untuk menerima bentuk pentaksiran alternatif seperti aktiviti perbincangan, penilaian lisan, atau tugas projek kerana mereka tidak dapat melihat hasil penilaian dalam bentuk gred atau markah yang konkret.

Malah, kekeliruan murid terhadap bentuk maklum balas kualitatif seperti deskriptor penguasaan atau refleksi guru menyebabkan mereka kurang menghargai nilai pentaksiran tersebut dalam meningkatkan pembelajaran mereka. Dapatkan ini sejajar dengan pandangan Md Nor dan Abdul Hamid (2021) yang mendapati bahawa pelajar Tahun 1 hingga 3 di beberapa buah sekolah rendah menunjukkan sikap pasif terhadap aktiviti pentaksiran yang tidak melibatkan pemarkahan formal kerana mereka tidak memahami nilai pentaksiran dari segi kemajuan kendiri. Ketiadaan skor yang eksplisit menjadikan pentaksiran kurang bermakna dalam persepsi mereka. Ini terutamanya apabila budaya pembelajaran mereka sebelum ini sangat bergantung kepada pujian atau ganjaran berdasarkan markah.

Selain itu, cabaran turut dihadapi oleh murid yang tergolong dalam kategori berkeperluan pendidikan khas (BPK) atau berpenguasaan rendah. Golongan ini memerlukan pendekatan yang lebih pelbagai dalam pentaksiran agar kaedah menilai mereka bersesuaian dengan keupayaan, gaya belajar dan kadar kemajuan mereka. Namun, seperti yang dinyatakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019), ramai guru tidak melaksanakan pentaksiran terbeza secara konsisten kerana kekangan masa, beban dokumentasi serta kekurangan latihan dalam membina instrumen pentaksiran yang pelbagai dan fleksibel. Akibatnya, murid dengan keperluan khas ini dinilai dengan pendekatan yang sama seperti murid arus perdana dan perkara ini boleh menyebabkan mereka mengalami tekanan, gagal menunjukkan keupayaan sebenar atau hilang minat dalam aktiviti pembelajaran.

Kajian oleh Hasbullah et al. (2022) mendapati bahawa murid berkeperluan khas lebih menunjukkan prestasi yang baik apabila dinilai melalui instrumen pentaksiran berdasarkan permainan, aktiviti motorik atau projek jangka panjang yang tidak menekankan pemarkahan serta-merta. Namun, kekurangan penggunaan kaedah ini di sekolah rendah menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD masih belum menyeluruh dari sudut keperluan pelbagai jenis murid. Oleh itu, pendekatan pentaksiran yang seragam menjadi penghalang kepada inklusiviti dalam pembelajaran. Ini bertentangan dengan prinsip pendidikan untuk semua (*Education for All*).

Satu lagi isu dan cabaran yang signifikan ialah motivasi murid terhadap PBD. Ramai murid didapati mempunyai persepsi bahawa kejayaan dalam pembelajaran hanya diukur melalui gred dan markah. Apabila pentaksiran tidak lagi disampaikan dalam bentuk skor eksplisit, motivasi mereka untuk mencuba, memperbaiki hasil kerja atau menyertai aktiviti pentaksiran secara aktif menjadi rendah. Ini disokong oleh dapatan oleh Zabidi dan Ahmad (2020) yang mendapati bahawa murid sekolah rendah kurang terlibat secara aktif dalam aktiviti PBD. Ini kerana mereka tidak dapat melihat ganjaran langsung daripada usaha mereka berbanding sistem peperiksaan tradisional yang memberi markah tinggi sebagai tanda pencapaian.

Justeru itu, budaya pembelajaran murid perlu dibentuk semula dengan menekankan kepentingan proses pembelajaran berbanding pencapaian akhir. Ini memerlukan masa, intervensi pedagogi yang bersesuaian, serta bimbingan secara konsisten oleh guru. Seperti yang disarankan oleh Noraini Idris (2016), pembelajaran melalui penilaian haruslah disokong dengan

aktiviti reflektif seperti jurnal pembelajaran, persempahan lisan, dan penilaian rakan sebaya bagi meningkatkan pemilikan terhadap pembelajaran dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, pelaksanaan PBD memerlukan satu pendekatan yang inklusif dan berfokuskan pembangunan individu murid. Guru perlu menyedari bahawa murid bukan sahaja belajar melalui pengajaran langsung, tetapi juga melalui proses refleksi dan maklum balas yang membina.

Ibu Bapa

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) khususnya dalam membantu membina persepsi positif murid terhadap proses pembelajaran. Sebagai rakan kongsi utama guru dalam menyokong perkembangan akademik anak-anak mereka, kefahaman dan penerimaan ibu bapa terhadap PBD merupakan faktor penentu kepada keberkesanannya di peringkat sekolah rendah terutamanya bagi murid tahap 1. Namun begitu, dapatan pelbagai kajian menunjukkan bahawa ketidakfahaman ibu bapa terhadap konsep dan fungsi sebenar PBD masih menjadi cabaran utama dalam mengarusperdanakan sistem pentaksiran ini.

Menurut Ali dan Veloo (2017), sebahagian besar ibu bapa masih berpegang kepada sistem penilaian tradisional yang berorientasikan peperiksaan bertulis sebagai satu-satunya bentuk penilaian yang sah dan boleh dipercayai. Mereka melihat gred dan markah sebagai ukuran mutlak terhadap kebolehan akademik anak mereka. Oleh itu, apabila PBD dilaksanakan tanpa sebarang gred atau skor, ini menimbulkan keraguan terhadap kesahihan keputusan pentaksiran. Dalam kajian oleh Mohd Hasril Abu Hassan dan Asmawati Suhid (2021), ibu bapa turut menyatakan kekeliruan terhadap istilah seperti “pentaksiran formatif” dan “tahap penguasaan” yang digunakan dalam laporan prestasi. Ini menjadikan mereka sukar memahami kemajuan sebenar anak-anak mereka.

Situasi menjadi lebih kompleks apabila terdapat persepsi negatif bahawa PBD terdedah kepada bias penilaian guru terutamanya apabila tiada bukti kukuh atau contoh konkret untuk menyokong tahap penguasaan yang dilaporkan. Hal ini telah dibuktikan dalam kajian Anniliza Mohd Isa et al. (2020) yang mendapati bahawa sebilangan ibu bapa meragui ketelusan dan keadilan sistem pentaksiran bilik darjah. Hal ini demikian kerana hasilnya tidak dapat dibanding secara kuantitatif antara murid. Ketiadaan standardisasi markah atau peperiksaan menjadikan mereka bimbang terhadap peluang pendidikan anak-anak mereka pada peringkat seterusnya.

Tambahan pula, komunikasi yang tidak berkesan antara pihak sekolah dan ibu bapa turut menyumbang kepada kekeliruan ini. Banyak sekolah mengadakan taklimat PBD secara ringkas dan tidak disertai dengan sesi soal jawab atau bahan penerangan yang memadai. Kajian oleh Che Noraini Hashim dan Norzaini Azman (2020) melaporkan bahawa ibu bapa yang hadir ke taklimat sekolah tentang PBD tidak mendapat gambaran menyeluruh tentang pelaksanaannya, malah tidak diberikan contoh instrumen pentaksiran atau deskriptor yang digunakan guru. Hal ini menyebabkan ibu bapa tidak dapat memberi sokongan yang bermakna di rumah khususnya dalam membantu anak-anak menyediakan portfolio, menyemak tugas atau menggalakkan refleksi kendiri.

Lebih membimbangkan, kegagalan sekolah dalam menangani salah tanggapan dan persepsi keliru ibu bapa terhadap PBD boleh memberi kesan psikologi terhadap guru. Guru berasa tertekan apabila berhadapan dengan ibu bapa yang mempertikaikan keputusan pentaksiran, lalu menjelaskan integriti dan keyakinan mereka terhadap sistem tersebut. Menurut Laporan Tahunan PBS (KPM 2021), terdapat aduan bahawa sesetengah ibu bapa menuntut agar tahap penguasaan anak mereka dinaikkan agar setara dengan rakan sebaya, walaupun tanpa bukti prestasi yang menyokong permintaan tersebut. Oleh itu, situasi ini menunjukkan bahawa pendidikan ibu bapa tentang konsep, objektif dan manfaat PBD perlu menjadi keutamaan dalam dasar pelaksanaan, bukan hanya tertumpu kepada latihan guru semata-mata.

STRATEGI PENYELESAIAN BAGI MENINGKATKAN PEMAHAMAN, PENERIMAAN DAN PELAKSANAAN PBD SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA PEPERIKSAAN TAHAP 1

Guru

Bagi menangani isu kefahaman guru yang masih rendah terhadap prinsip pentaksiran autentik, latihan pembangunan profesional berterusan (CPD) yang bersifat praktikal dan kontekstual perlu dipertingkatkan. Latihan hendaklah berfokus kepada aplikasi sebenar di bilik darjah seperti pembinaan rubrik, senarai semak, kaedah pemerhatian, temu bual dan penilaian projek. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019), latihan ini seharusnya dilaksanakan secara berfasa, berterusan dan berdasarkan amalan (practice-based) agar guru dapat mengadaptasi pendekatan yang berkesan mengikut konteks pengajaran masing-masing. Kajian oleh Jamil dan Ismail (2022) juga menyarankan pelaksanaan coaching dan mentoring sebagai kaedah paling berkesan dalam membina kemahiran pentaksiran guru melalui intervensi bimbingan jangka panjang dan refleksi kendiri.

Selain aspek latihan, penggunaan teknologi pentaksiran digital merupakan antara strategi utama yang dicadangkan untuk mengatasi beban kerja guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Dengan kemajuan teknologi pendidikan masa kini, guru boleh memanfaatkan sistem pengurusan pentaksiran seperti SPLKPM (Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia) serta pelbagai aplikasi digital seperti Google Classroom, Microsoft Forms, Formative, dan Classkick. Penggunaan aplikasi ini membolehkan guru merekod eviden, menilai tugas, memberi maklum balas secara langsung serta menghasilkan laporan pentaksiran dengan lebih efisien dan sistematik. Kelebihan digitalisasi ini bukan sahaja memudahkan pengurusan dokumen dan data pelajar, malah mengurangkan kebergantungan kepada kaedah manual yang memakan masa dan tenaga (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Laporan tahunan KPM (2021) turut menyarankan agar pentadbir sekolah menyediakan pelan sokongan logistik dan teknikal kepada guru termasuk menyediakan latihan atas penggunaan aplikasi digital, pengurusan masa pengajaran serta pengurangan tugas bukan pedagogi. Usaha ini penting bagi membolehkan guru memberi tumpuan sepenuhnya terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran serta pelaksanaan pentaksiran secara efektif.

Dari segi integriti pelaporan, pelaksanaan PBD yang telus dan objektif sangat bergantung pada budaya profesionalisme dan akauntabiliti dalam kalangan guru. Salah satu

mekanisme yang boleh diterapkan ialah audit dalaman melalui penubuhan Jawatankuasa Pentaksiran Sekolah (JPS) yang bertanggungjawab menyemak dan memantau kualiti pelaporan pentaksiran yang dijalankan oleh guru. Audit dalaman ini boleh membantu mengenal pasti sebarang kelemahan atau penyelewengan dalam pelaporan, seterusnya memastikan setiap tahap penguasaan yang dilaporkan benar-benar berasaskan eviden dan pencapaian sebenar murid. Selain audit, insentif bukan kewangan seperti pengiktirafan "Guru Cemerlang Pentaksiran" di peringkat daerah atau negeri boleh menjadi motivasi kepada guru untuk mengekalkan integriti dan meningkatkan kualiti pelaporan pentaksiran. Pengiktirafan seperti ini juga mampu membina budaya persaingan sihat dan meningkatkan imej profesionalisme guru dalam kalangan masyarakat (Jamil & Ismail, 2022).

Akhir sekali, sokongan pihak pentadbir sekolah dan peringkat dasar adalah teras utama bagi memastikan pelaksanaan PBD tidak hanya berlaku secara mekanikal atau ritualistik. Pihak pentadbir perlu sentiasa menjalankan pemantauan berasaskan bimbingan (coaching and mentoring) secara konsisten dan bukan sekadar melaksanakan pengawasan untuk tujuan pematuhan semata-mata. Pemantauan berbentuk bimbingan membolehkan guru dibantu dari segi penambahbaikan amalan pentaksiran melalui maklum balas membina, refleksi kendiri serta perkongsian amalan terbaik (*best practices*) antara guru dan sekolah. Penilaian berterusan terhadap amalan terbaik sekolah dalam pelaksanaan PBD juga perlu diadakan supaya kejayaan dan inovasi dalam pentaksiran dapat diaplikasikan secara lebih meluas di seluruh sekolah (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2019). Sokongan pentadbir perlu merangkumi penyediaan ekosistem sekolah yang kondusif seperti pengagihan masa pengajaran yang lebih fleksibel, penyediaan sokongan teknikal serta pengiktirafan profesional kepada guru yang komited melaksanakan PBD secara berkesan. Apabila aspek pentadbiran, teknikal dan sokongan profesional diberi perhatian sewajarnya, guru akan lebih bersedia dan yakin untuk melaksanakan PBD secara autentik, sekali gus memastikan matlamat dasar pendidikan negara tercapai (Kementerian Pendidikan Malaysia 2021; 2025).

Murid

Bagi memastikan murid benar-benar memahami bahawa pentaksiran ialah alat bantu pembelajaran, literasi pentaksiran mesti diterapkan secara konsisten dalam proses pengajaran harian. Literasi pentaksiran bermaksud murid tahu dan faham tujuan pentaksiran, kriteria kejayaan serta bagaimana mereka boleh memperbaiki pencapaian berdasarkan maklum balas yang diterima. Guru memainkan peranan utama dalam memperkenalkan konsep "assessment as learning" atau pentaksiran sebagai pembelajaran. Dalam amalan ini, murid tidak hanya menjadi penerima maklumat, tetapi turut terlibat secara aktif dalam menentukan kriteria kejayaan sesuatu tugas, membuat penilaian kendiri serta penilaian rakan sebaya. Aktiviti seperti mengisi jurnal refleksi pembelajaran, menyemak tugas sendiri atau rakan dan membina carta kemajuan akan membantu murid melihat perkembangan mereka secara lebih bermakna (Noraini Idris, 2016). Proses reflektif ini membolehkan murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri, seterusnya merancang langkah penambahbaikan yang sesuai.

Selain itu, dalam bilik darjah yang heterogen, pentaksiran terbeza adalah satu elemen yang sangat penting untuk memastikan keadilan dalam penilaian murid. Ini bermaksud guru

perlu menyediakan tugas atau aktiviti yang berbeza tahap kesukaran, sesuai dengan kebolehan, minat dan keperluan setiap murid termasuk mereka yang berkeperluan khas atau lemah penguasaan. Pendekatan terbeza boleh dilakukan melalui pelbagai pilihan tugas, penilaian projek, pembelajaran berasaskan permainan, aktiviti motorik atau persempahan lisan. Menurut Hasbullah et al. (2022), murid berkeperluan khas menunjukkan motivasi dan pencapaian yang lebih baik apabila diberi ruang untuk menunjukkan kebolehan melalui kaedah yang sesuai dengan profil pembelajaran mereka, berbanding dinilai secara konvensional yang terlalu bergantung pada ujian bertulis. Oleh itu, guru perlu dilatih bukan sahaja dalam membina instrumen pentaksiran pelbagai, tetapi juga dalam mengaplikasikan strategi pengajaran dan pentaksiran yang responsif serta inklusif.

Seterusnya, mengubah persepsi murid bahawa kejayaan hanya diukur dengan markah adalah satu cabaran yang perlu diberi perhatian serius. Budaya pembelajaran berorientasikan skor atau gred perlu diubah kepada budaya yang menekankan nilai proses pembelajaran dan kemajuan kendiri. Inisiatif seperti kempen “Belajar untuk Faham, Bukan untuk Skor” boleh dijalankan di peringkat sekolah dengan penglibatan semua pihak termasuk guru, murid dan ibu bapa. Aktiviti seperti pameran hasil kerja murid, Hari Penilaian, pembentangan projek atau portfolio dapat memberi penghargaan terhadap usaha dan pencapaian murid secara lebih holistik. Dengan cara ini, murid akan lebih menghargai maklum balas kualitatif, membina motivasi intrinsik dan mengaitkan kejayaan dengan penguasaan sebenar, bukan semata-mata gred di atas kertas. Usaha ini akan membantu membina keyakinan, rasa tanggungjawab dan kemahiran insaniah yang penting untuk pembangunan insan seimbang.

Secara keseluruhan, strategi ini memerlukan komitmen guru dalam mendidik murid tentang maksud dan matlamat pentaksiran, membudayakan pentaksiran reflektif dan terbeza serta memupuk penghargaan terhadap pembelajaran progresif. Ini sejajar dengan aspirasi pendidikan semasa yang menekankan pembangunan murid secara holistik, berasaskan potensi, dan bukan hanya tertumpu kepada keputusan peperiksaan semata-mata (Noraini Idris 2016; Hasbullah et al., 2022).

Ibu Bapa

Ketidakfahaman ibu bapa terhadap Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sering menjadi penghalang utama kepada penerimaan dan pelaksanaan sistem ini secara efektif di sekolah rendah. Justeru, usaha menangani isu ini perlu bermula dengan sesi taklimat dua hala yang interaktif dan berkala antara pihak sekolah dan ibu bapa. Sesi ini seharusnya tidak terhad kepada ceramah satu hala semata-mata, sebaliknya perlu bersifat dialog di mana ibu bapa berpeluang mengemukakan soalan, meluahkan kekeliruan serta berkongsi pandangan berkenaan PBD. Bengkel “Kenali PBD” boleh dianjurkan secara berkala yang mengandungi demonstrasi penggunaan instrumen pentaksiran, simulasi pelaporan sebenar, dan penjelasan terperinci istilah seperti “tahap penguasaan”, “pentaksiran formatif” dan “eviden pembelajaran.”. Menurut kajian Che Noraini Hashim dan Norzaini Azman (2020), pendekatan ceramah tradisional tidak berkesan meningkatkan kefahaman ibu bapa kerana ia kurang melibatkan mereka secara aktif. Oleh itu, pendekatan pelbagai seperti penggunaan bahan multimedia interaktif, infografik yang jelas

serta simulasi video dapat membantu ibu bapa memahami konsep dan proses PBD dengan lebih mudah serta visual.

Seterusnya, komunikasi berkala dan dua hala antara guru dengan ibu bapa adalah penting untuk membina kepercayaan terhadap ketelusan dan keadilan PBD. Guru boleh memanfaatkan pelbagai platform digital seperti Google Classroom, Telegram sekolah atau sistem e-pelaporan untuk menyampaikan maklumat perkembangan murid secara lebih pantas dan mesra pengguna. Bagi menggantikan laporan prestasi yang terlalu bersifat literal dan sukar difahami, sekolah disarankan menyediakan format pelaporan yang lebih visual seperti graf perkembangan, portfolio digital, atau contoh eviden pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025). Pendekatan ini membolehkan ibu bapa memantau perkembangan anak secara berterusan dan lebih mudah memahami kekuatan serta aspek yang perlu diperbaiki. Guru juga boleh mengadakan sesi pertemuan maya atau fizikal berkala dengan ibu bapa untuk membincangkan prestasi murid secara peribadi dan membina hubungan yang lebih erat.

Selain komunikasi rasmi, libat urus secara langsung melalui penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pentaksiran seperti Hari Portfolio, Pameran Projek Murid atau Hari Terbuka Sekolah sangat penting. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja memberi peluang kepada ibu bapa menyaksikan sendiri hasil kerja dan pencapaian anak-anak mereka, malah membuka ruang dialog dengan guru mengenai kaedah penilaian yang digunakan. Secara tidak langsung, ini membina keyakinan ibu bapa terhadap keupayaan guru melaksanakan pentaksiran secara telus, adil dan profesional. Tambahan pula, dengan melantik wakil ibu bapa dalam Jawatankuasa Pentaksiran Sekolah, suara dan pandangan komuniti ibu bapa dapat diambil kira dalam proses penambahaikan sistem pentaksiran. Tindakan ini dapat mengurangkan salah faham, meningkatkan keterbukaan serta memperkuuh sokongan ibu bapa terhadap dasar pentaksiran sekolah.

Kesimpulannya, menangani ketidakfahaman dan keraguan ibu bapa terhadap PBD memerlukan pendekatan libat urus yang strategik, komunikasi berterusan, serta penggunaan pelbagai medium yang inovatif dan inklusif. Langkah-langkah ini bukan sahaja mampu meningkatkan kefahaman ibu bapa tetapi juga dapat membina kepercayaan dan sokongan padu dalam merealisasikan pelaksanaan PBD yang berkualiti dan berkesan di sekolah rendah (Che Noraini Hashim & Norzaini Azman 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia 2025).

Cadangan yang dikemukakan dalam artikel ini boleh diaplikasikan secara praktikal mengikut pihak berkepentingan utama iaitu guru, murid, dan ibu bapa. Jadual 2 merumuskan aplikasi praktikal yang disarankan.

Jadual 2: Implikasi Praktikal Cadangan PBD

Pihak Berkepentingan	Aplikasi Praktikal
Guru	Latihan CPD berdasarkan praktikal, penggunaan aplikasi digital PBD, audit dalaman JPS, bimbingan coaching & mentoring
Murid	Literasi pentaksiran, penilaian terbeza, aktiviti reflektif (jurnal, portfolio), budaya “assessment as learning”
Ibu Bapa	Taklimat interaktif, laporan prestasi berbentuk visual (graf, portfolio),

libat urus dalam aktiviti sekolah seperti Hari Portfolio


CADANGAN MODEL KONSEPTUAL 3P

Artikel ini mencadangkan Model 3P (Pemahaman–Penglibatan–Pengukuhan) sebagai satu sumbangan konseptual bagi memperkuuh pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Model ini diilhamkan daripada prinsip *formative assessment* antarabangsa (Black dan Wiliam 2009), namun ditransformasikan agar sesuai dengan konteks pendidikan rendah di Malaysia.

Model 3P menekankan bahawa pelaksanaan PBD yang berkesan tidak hanya bergantung kepada kehadiran dokumen dasar, tetapi memerlukan keseimbangan antara tiga komponen utama yang saling menyokong. Pertama, pemahaman merujuk kepada tahap kefahaman guru, murid dan ibu bapa terhadap falsafah serta prinsip pentaksiran. Kefahaman yang mantap membolehkan guru melaksanakan pentaksiran secara konsisten dan bermakna, murid memahami peranan mereka dalam proses pembelajaran kendiri dan ibu bapa menyokong usaha sekolah secara lebih berinformasi.

Kedua, penglibatan menekankan keterlibatan kolaboratif semua pihak dalam proses pentaksiran. Guru perlu melibatkan murid secara aktif melalui pentaksiran autentik, manakala ibu bapa pula harus diberikan ruang untuk memahami dan menyertai perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Penglibatan ini membina ekosistem pendidikan yang lebih inklusif serta menyemai budaya pentaksiran sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran harian. Ketiga, pengukuhan merujuk kepada keperluan latihan profesional berterusan, pemantauan yang sistematik, dan dasar pendidikan yang jelas bagi memastikan pelaksanaan PBD berjalan secara konsisten. Pengukuhan juga melibatkan usaha mengurangkan beban birokrasi guru melalui sokongan teknologi, memperkuuh autonomi profesional guru serta mengekalkan keberlanjutan amalan pentaksiran dalam jangka panjang.

Sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1, Model 3P digambarkan dalam bentuk segitiga yang menekankan keseimbangan antara tiga dimensi tersebut. Bentuk segitiga dipilih kerana setiap komponen saling melengkapi dan sama penting dalam menyumbang kepada keberkesaan PBD. Model ini diharap dapat menjadi rujukan konseptual yang bukan sahaja membantu pendidik dan pentadbir sekolah, tetapi juga memberikan asas kepada pembuat dasar untuk merangka strategi penambahbaikan sistem pentaksiran di Malaysia.



Rajah 1: Model 3P (Pemahaman–Penglibatan–Pengukuhan) sebagai Kerangka Konseptual Pelaksanaan PBD

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan satu transformasi penting yang dapat menggantikan peperiksaan Tahap 1 dengan pendekatan pentaksiran formatif yang lebih holistik, autentik dan berfokuskan perkembangan murid. Walaupun pelaksanaannya masih berhadapan cabaran dari sudut kefahaman guru, motivasi murid, serta penerimaan ibu bapa, cadangan strategi seperti latihan profesional berterusan, komunikasi berkesan dengan komuniti ibu bapa, serta penggunaan teknologi pentaksiran digital dapat meningkatkan keberkesanan sistem ini. Sumbangan konseptual melalui Model 3P (Pemahaman–Penglibatan–Pengukuhan) menegaskan bahawa kejayaan PBD bergantung kepada keseimbangan antara kefahaman, kolaborasi dan pengukuhan dasar. Oleh itu, pelaksanaan PBD yang lebih mantap diyakini mampu menyokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 dalam melahirkan murid seimbang dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang dan Shanti Gobalakrishnan. 2017. Tahap integriti dan kesediaan guru dengan pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 2(4): 1–22.
- Ali, R.M. dan Veloo, A. 2017. Teachers' autonomy and accountability in assessing students' physical education in school-based assessment. Dlm. Amzat, I.H. dan Valdez, N.P. (pnyt.). *Teacher Development and Professional Empowerment*, hlm. 71. New York: Springer.
- Anniliza Mohd Isa, Al Amin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Abdullah dan Wan Fadhlurrahman Wan Md Rasidi. 2020. Transformasi pendidikan tahap 1: Peperiksaan ke pentaksiran bilik darjah, kesan terhadap autonomi guru. Dlm. *Isu dan Cabaran Pendidikan: Strategi dan Inovasi*, hlm. 218–231. Pulau Pinang: Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2019. *Manual Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Versi Sekolah Rendah dan Menengah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Black, P., & Wiliam, D. 2009. *Developing the theory of formative assessment*. Educational Assessment, Evaluation and Accountability, 21(1): 5–31.
- Che Noraini Hashim dan Norzaini Azman. 2020. Persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(2): 13–27.
- Gengatharan, K. dan Azali Rahmat. 2019. Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani* 8(2): 19–27.
- Hasbullah, N., Noraini Che Pa dan Zulkifli, N. 2022. Pentaksiran alternatif bagi murid berkeperluan khas: Satu pendekatan inklusif dalam PBD. *Jurnal Pendidikan Khas Malaysia* 12(1): 44–55.
- Jamil, H. dan Ismail, M.N. 2022. Coaching dan mentoring dalam pembangunan profesional guru: Strategi pelaksanaan PBD. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47(2): 45–61.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Laporan Tahunan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2025. *Panduan Pengurusan PBS Edisi 1 Tahun 2025*.
- Mohd Hasril Abu Hassan & Asmawati Suhid. 2021. Kefahaman ibu bapa terhadap laporan pentaksiran formatif murid sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 12(1): 45–58.
- Md Nor, S.N. dan Abdul Hamid, M.A. 2021. Tahap kefahaman guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(11): 112–120.
- Noraini Idris. 2016. *Penilaian pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah dalam kalangan guru*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. 2019. Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(1): 1–12.
- Zabidi, R. dan Ahmad, A.R. 2020. Kajian tindakan terhadap beban dokumentasi guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *International Journal of Education and Training* 6(1): 34–43.